



**LANCAR...** Mohamed Khaled membelek buku sambil diperhatikan Radin (kiri).

# Strategi kekal prestasi UPM

**S**ERDANG: Beberapa pelan strategik sudah dirangka bagi mengekalkan kecemerlangan akademik dan menyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), kata Naib Canselor baru UPM, Prof Datuk Fauzi Ramlan.

Beliau yang dilantik semalam bersedia meneruskan kecemerlangan universiti itu selepas menggantikan Prof Datuk Radin Umar Radin Sohadi secara rasmi bermula 1 Januari tahun ini sehingga 31 Disember 2015.

"UPM masih mengekalkan identitinya sebagai peneraju dalam bidang penyelidikan pertanian dan selepas mengambil alih tugas ini beberapa perkara akan terus menjadi agenda penambahbaikan termasuk meningkatkan kajian terutamanya terhadap kecukupan makanan (food security) di negara ini.

"Ia termasuk kajian yang sedang dijalankan ke atas penghasilan sumber protein baru daripada produk akua kultur," katanya pada Majlis Penyerahan Tugas Naib Canselor di sini, semalam.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kelmarin mengumumkan pelantikan

Naib Canselor di dua universiti iaitu UPM dan Universiti Sultan Zainal Abidin yang kosong sejak 31 Disember lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam satu kenyataan kelmarin berkata, Fauzi dilantik sebagai Naib Canselor UPM yang baru menggantikan Radin Umar.

Fauzi, 52, sebelum ini adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di UPM dan Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Pelajar di KPT.

Sementara itu, Radin Umar berharap pelantikan baru itu dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian UPM dalam bidang penyelidikan dan akademik pada masa akan datang dan meneruskan legasi kecemerlangan universiti itu di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Saya sering berpesan kepada Fauzi supaya menggalas tanggung jawab ini dengan sebaiknya dengan mencari keredaan Allah dalam setiap keputusan yang dibuat bagi kebaikan manusia sejagat," katanya.